



KENYATAAN TENDER (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGKONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAH PEROLEHAN KOMPUTER DESKTOP, KOMPUTER RIBA, PENCETAK DAN TABLET UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA SECARA TENDER

(NO. TENDER: PPJ/JK/T/33/2021)

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan projek tersebut di atas. Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini boleh layari laman <https://dcoins.ppj.gov.my> bagi tujuan pendaftaran kontraktor/syarikat.
2. Maklumat tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
210101 - Hardware (low end technology) -Supply all types of computer hardware including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance dan 210103 - Software -Supply all computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance Dan Taraf Bumiputera	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk Slaid) mulai: 22 Oktober 2021 (Jumaat) di pautan berikut: https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan	22 Oktober 2021 (Jumaat) sehingga 3 November 2021 (Rabu) Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia RM250.00 (Tidak dikembalikan) Tunai/Deraf Bank Perbadanan Putrajaya	15 November 2021 (Isnin) 12.00 Tengah hari Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - **Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM400,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.**
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor/Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa dokumen-dokumen asal dan satu (1) salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia**.
6. Tender ini akan ditutup pada **15 November 2021** bersamaan hari **Isnin**, jam 12.00 tengah hari. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
7. Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:

KAUNTER JUALAN TENDER/SEBUT HARGA, ARAS 3, BANGUNAN ANNEXE, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, 24, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA

8. Penyerahan dokumen kepada Perbadanan Putrajaya turut boleh dilaksanakan melalui perkhidmatan kiriman pos berdaftar/kurier dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - i. Segala kos penghantaran ditanggung sepenuhnya oleh petender;
 - ii. Petender hendaklah memastikan dokumen yang dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selawat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dipertimbangkan;
 - iii. Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen yang dihantar rosak/hilang; dan
 - iv. Sebarang tuntutan kerugian yang timbul dalam pelaksanaan ini tidak akan dipertimbangkan.
9. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Sila ambil perhatian, Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas negeri/daerah. Kontraktor/wakil yang berurusan di kaunter jualan tender/sebut harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT:

www.ppj.gov.my